



PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 2 TAHUN 2022

**PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN TADBIR URUS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) TAHUN 2023**

Tujuan

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penambahbaikan struktur organisasi UMT, khususnya struktur tadbir urus di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) "TNC (A&A)" dan Pro Naib Canselor (Strategi dan Prestasi) "PNC (S&P)".

Latar Belakang

2. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT perlu memastikan struktur organisasi dan fungsinya yang menjadi asas kepada tadbir urus yang cemerlang sentiasa dikemas kini dan relevan dengan keperluan semasa.

Penambahbaikan Struktur Organisasi dan Tadbir Urus UMT

3. Selaras dengan perkembangan semasa Universiti serta tuntutan keperluan pelbagai pihak dan pemegang taruh, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dalam mesyuaratnya Kali Ke-270 (Bil. 14 Tahun 2022) dan Kali Ke-271 (Bil. 15 Tahun 2022) telah bersetuju menambahbaik struktur organisasi dan tadbir urus UMT sepertimana berikut:
 - a) **Penempatan Bahagian Pengurusan Data**, Pusat Ekosistem Digital (PED) di bawah **Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR)** bagi memastikan sinergi antara pengurusan data dan penetapan

strategi ke arah meningkatkan penarafan universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

- b) **Penempatan Bahagian Pembangunan Digital (E-Learning)**, PED di bawah **Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA)** selari dengan perkembangan akademik semasa; dan
- c) Pengekalan fungsi penyediaan laman web berserta sumber manusia yang melaksanakan tugas tersebut di bawah PED.

Tarikh Kuat Kuasa

- 4. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada **1 Januari 2023**. Sehubungan itu, seluruh warga UMT dimohon untuk mengambil maklum mengenai penambahbaikan struktur organisasi dan tadbir urus UMT tersebut.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZUKIFEREE BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu